



**KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

KENYATAAN TAWARAN

**PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENGUKUR, MENJAHIT DAN MENGHANTAR PAKAIAN BAJU
KORPORAT BAGI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG**

NO. SEBUT HARGA : PSUKPP/25/2026

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berkelayakan dan memenuhi syarat-syarat di bawah:
 - i) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) serta masih sah tempoh lakunya di bawah kod bidang berikut:
**020801 – Pakaian dan kelengkapan; dan
222401 – Perkhidmatan menjahit dan baik pulih pakaian dan kelengkapan**
 - ii) Berdaftar dengan Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP);
 - iii) Mempunyai Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate* – TCC) yang masih sah dan berstatus "PATUH"; dan
 - iv) Beralamat di Negeri Pulau Pinang.
2. Dokumen sebut harga boleh dibeli dengan harga **RM10.00** secara online dan dimuat turun melalui Sistem Perolehan Negeri Pulau Pinang (sysP) mulai **18 Ogos 2026 (Selasa)**.
3. Dokumen sebut harga yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri serta ditandakan no. sebut harga di sebelah kanan atas sampul surat. Dokumen sebut harga tersebut mestilah sampai **sebelum atau pada 24 Ogos 2026 (Isnin) jam 12.00 tengah hari** dan dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Seksyen Perolehan, Paras 30 KOMTAR, 10503 Pulau Pinang**. Tawaran yang dikemukakan selepas masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
4. **Bukti Penghantaran Tidak Dianggap Sebagai Bukti Penerimaan** dan semua kos berkaitan dengan tawaran di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor terbabit. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah/tertinggi atau sebarang tawaran. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.

No. Sebut Harga: PSUKPP/25/2026

5. Setiap tawaran harga adalah sah bagi tempoh **sembilan puluh (90)** hari dari tarikh peti sebut harga ditutup. Iklan ini juga boleh diakses melalui laman web <https://ep.penang.gov.my>.

Setiausaha Kerajaan, Negeri Pulau Pinang